

Newspaper	Berita Harian
Date	28/2/2013

## 4 NASIONAL

### Dr Mahathir dianugerah 'Master Foreign Going'

BH - 28/2/2013

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad akan dianugerahkan 'Master Foreign Going' iaitu anugerah tertinggi dalam industri maritim di atas jasa dan sumbangannya terhadap pembangunan industri maritim negara.

Majlis pemakaian pangkat yang membawa gelaran kapten oleh Jabatan Laut Malaysia pada 7 Mei depan, dijangka disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Presiden Persatuan Malim Pelabuhan Malaysia (MHAPA), Kapten Mahadhir Che Ismail, berkata penganugerahan pangkat itu tepat pada masanya kerana Dr Mahathir adalah pemimpin negara yang bertanggungjawab membawa industri maritim kepada kedudukannya ketika ini.

#### Terkenal pelabuhan pesat

Katanya, Malaysia juga terkenal dengan pelabuhan pesat di Selat Melaka selain kedudukannya sebagai sebuah negara maritim yang stabil dan makmur.

"Tiada individu lain layak terima anugerah ini kerana Dr Mahathir adalah individu bertanggungjawab menjadikan negara ini membangun dengan pelabuhan dan infrastruktur maritim yang pesat di rantau ini.

**"  
Tiada individu  
lain layak terima  
anugerah ini  
kerana Dr  
Mahathir adalah  
individu  
bertanggungjawab  
menjadikan  
negara ini  
membangun  
dengan  
pelabuhan dan  
infrastruktur  
maritim yang  
pesat di rantau  
ini"**

**Mahadhir Che Ismail,**  
Presiden Persatuan  
Malim Pelabuhan  
Malaysia

"Ramai tidak tahu, Dr Mahathir juga pernah menaiki kapal pemecah ais ketika lawatannya ke artik," katanya kepada BH selepas sesi rakaman video sempena majlis makan malam pemakaian pangkat itu di Yayasan Al-Bukhary di sini, semalam.

Dalam rakaman video yang bakal disiarkan Mei depan, Dr Mahathir yang segak mengenakan uniform kapten kapal, mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Laut dan Kerajaan Malaysia serta MHAPA di atas penganugerahan pangkat kehormat itu.

Bekas perdana menteri selama 22 tahun itu turut menggesa semua malim pelabuhan di negara ini bersatu di bawah payung MHAPA bagi membolehkan profesion itu terus dihormati dan disegani selain memastikan mereka mempunyai satu suara yang kuat dalam isu berbangkit.

"Saya setuju malim pelabuhan main peranan lebih dari sekadar bawa kapal keluar atau masuk pelabuhan, kerana (pintu masuk negara) terdedah kepada pelbagai ancaman termasuk penganas.